



Lebih 20 rumah dimasuki air, ribuan pengguna jalan raya terkandas

Banjir kilat terburuk di Rawang

SENI AZRAI MOHAMMAD

KUALA LUMPUR 24 Dis. - Hujan lebat selama tiga jam menyebabkan banjir kilat di Rawang. Sungai Bakau, Rawang dekat sini, dengan lebih 20 rumah dimasuki air.

Seorang penduduk, Hazam Shah Ramli, 32, berkata, beliau menyedari air mula memasuki rumahnya kira-kira pukul 6 pagi apabila membuka pintu depan untuk melihat keadaan di luar kerana hujan lebat. "Tidak sampai beberapa minit air telah masuk ke dalam rumah hingga ke paras pinggang."



KERATAN Utusan Malaysia 25 Disember 2013.

Kolam tadahan perlu dibina - JPS

KUALA LUMPUR 2 Jan. - Sekurang-kurangnya dua kolam tadahan perlu dibina di kawasan yang sering berlaku banjir berdekatan Kampung Sungai Bakau dan beberapa kawasan lain di Rawang.

Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran Gombak, Ir. Fuad Buang berkata, kolam tersebut perlu diwujudkan memandangkan kawasan itu tiada lagi tempat yang mampu menyerap air setiap kali hujan.

Menurutnya, pembukaan taman-taman baharu di kawasan itu menyebabkan aliran air terus memasuki Sungai Bakau dan Sungai Gong sehingga melimpah ke rumah penduduk dan jalan raya.

"Saya tidak melihat isu perparitan sedia ada sebagai masalah

yang menyumbang kepada banjir di sekitar kawasan itu kerana kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan mengikut jadual.

"Malah, banjir yang berlaku minggu lalu disebabkan hujan yang terlalu lebat dan bukan sahaja berlaku di Rawang tetapi di beberapa kawasan lain di Selangor," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Tambah Fuad, pihaknya sedang mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk kolam tersebut dibina bagi mengatasi masalah banjir di situ.

"Perkara itu yang menjadi fokus utama kami pada masa ini untuk mencari tanah-tanah kosong yang boleh dijadikan sebagai kolam tadahan," ujarnya.